

16/09/1997

Penduduk diminta pupuk kerjasama

TAWAU, Isnin - Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, meminta penduduk negeri ini memupuk persefahaman dan kerjasama tanpa membezakan taraf kedudukan, kaum dan agama.

Katanya, kerjasama rakyat bukan sahaja dapat mengekalkan keamanan, malah dapat mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan.

Yong berkata, usaha kerajaan membanteras gejala sosial dan mewujudkan masyarakat penyayang tidak akan tercapai tanpa kerjasama penduduk berbilang kaum dan agama.

"Semua pihak tanpa mengira kedudukan, bangsa dan agama perlu bersatu memerangi pelbagai masalah yang boleh menjejaskan keamanan negara," katanya pada majlis perasmian Bangunan Baru Tokong Buddha, Tawau di Jalan Wing Onn, di sini, semalam.

Turut hadir ialah Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Michael Lim Yun Seng dan Ahli Parlimen Tawau, Chua Soon Bui.

Terdahulu, Yong meninjau pusat peranginan dan padang golf Shan Shui, kira-kira 15 kilometer dari sini yang dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena perasmian persidangan Parti Maju Sabah (SAPP) di Tawau, 21 September ini.

(END)